



1 Julai 2016  
1 July 2016  
P.U. (B) 306

# WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

## *FEDERAL GOVERNMENT GAZETTE*

### PEMBATALAN PERIZABAN TANAH BAGI MAK SUD AWAM

### *REVOCATION OF RESERVATION OF LAND FOR PUBLIC PURPOSE*



DISIARKAN OLEH/  
*PUBLISHED BY*  
JABATAN PEGUAM NEGARA/  
*ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS*

KANUN TANAH NEGARA  
PEMBATALAN PERIZABAN TANAH BAGI MAKSUD AWAM

BAHAWASANYA, melalui Pemberitahuan No. 483/1955 yang disiarkan dalam *Warta Kerajaan Selangor* pada 8 September 1955, pada menjalankan kuasa yang diberikan kepada Raja dalam Mesyuarat oleh seksyen 24(i) Kanun Tanah 1926 [No. 24/1926] dan diwakilkan kepadanya melalui *Warta Kerajaan Negeri Selangor P.W. Sel. 188/1952*, Menteri Besar, Selangor telah mengisyiharkan bahawa petak tanah, iaitu No. Lot 4428 yang terletak di dalam Mukim Kuala Lumpur, seluas 1 ekar 3 rud 06.8 pol dan ditandakan di atas pelan ukur hasil No. 20974 yang sekarang disimpan di pejabat Pengarah Ukur dan Pemetaan Selangor, menjadi suatu rizab bagi maksud pasar yang hendaklah disenggarakan oleh Presiden, Majlis Perbandaran Kuala Lumpur (sekarang digelar Dato Bandar Kuala Lumpur):

DAN BAHAWASANYA, melalui P.U. (B) 108/2003 yang disiarkan dalam *Warta Kerajaan Persekutuan* pada 3 Mac 2003, Kerajaan Persekutuan telah mewakilkan penjalanan kuasanya di bawah seksyen 64 Kanun Tanah Negara [Akta 56/1965] kepada Jawatankuasa Kerja Tanah Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur:

DAN BAHAWASANYA, didapati suai manfaat sekarang oleh Jawatankuasa Kerja Tanah Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur supaya keseluruhan perizaban yang disebut terdahulu itu dibatalkan:

DAN BAHAWASANYA, notis mengenai cadangan untuk membatalkan keseluruhan perizaban yang disebut terdahulu itu yang diperihalkan dalam Jadual bersama dengan butir-butir mengenai masa dan tempat di mana suatu siasatan akan diadakan oleh Pentadbir Tanah Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur di Pejabat Pengarah Tanah dan Galian Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, untuk mendengar mana-mana orang yang berhasrat untuk membantah terhadap pembatalan itu telah ditampalkan mengikut seksyen 433 Kanun Tanah Negara dan juga telah disiarkan dalam *Warta Kerajaan Persekutuan* sebagai P.U. (B) 347/2010 pada 5 Ogos 2010: